AZmycin Tablet 500mg

Azithromycin 500mg (sebagai Azithromycin dihydrate 524.03mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunnaan AZmycin Tablet 500mg
2. Bagaimana AZmycin Tablet 500mg befungsi
3. Sebelum mengamil AZmycin Tablet 500mg
4. Cara menggunakan AZmycin Tablet 500mg
5. Semasa menggunakan AZmycin Tablet 500mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan AZmycin Tablet 500mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunnan AZmycin Tablet 500mg

Azithromycin tergolong dalam kumpulan antibiotik macrolide. Ubat ini digunakan untuk merawat jangkitan bakteria.

AZmycin Tablet 500mg boleh digunakan untuk merawat:

- Jangkitan saluran pernafasan bawah seperti bronchitis (inflamasi pada pipa bronchial) dan pneumonia (paru-paru berair).
- Jangkitan saluran pernafasan atas sperti sinusitis (inflamasi pada tisu membran sinus) dan faringitis/ tonsillitis (sakit tekak/tonsil).
- Jangkitan telinga (otitis).
- Kulit and tisu lembut.
- Penyakit kelamin: Jangkitan saluran kencing and pangkal rahim tidak rumit yang disebabkan oleh *Chlamydia Trachomatis*, chancroid.

Bagaimana AZmycin Tablet 500mg befungsi

AZmycin Tablet 500mg berfungsi untuk menghalangkan sintesis protein dalam bakteria dengan mengikat pada ribosom sub unit 50s dan menyebabkan perencatan pada translokasi peptide.

Sebelum mengambil AZmycin Tablet 500mg

Bila tidak boleh mengambil

Jangan menggunakan AZmycin Tablet 500mg jika anda alah terhadap azithromycin, antibiotik macrolide atau ketolide yang lain, atau apa-apa kandungan dalam AZmycin Tablet 500mg.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda pernah mengalami penyakit-penyakit atau keadaan seperti berikut:

- Masalah buah pinggang yang serius.
- Masalah hati yang teruk.
- Sedang mengambil derivatif ergot dan azithromycin.
- Masalah neurologi dan psikiatri.
- Masalah jantung atau keabnormalan elektrolit atau selang QT yang panjang.
- Cirit-birit semasa atau selepas rawatan.
- Alahan.
- Dengan antibiotic.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau telah mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat-ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Azithromycin mungkin boleh berinteraksi dengan ubat-ubat lain. Ini sangat penting dan sila memberitahu pihak berkenaan jika anda sedang atau telah mengambil ubat-ubat berikut:

- Ubat untuk merawat migrain seperti Ergot
- Ubat untuk mengelakkan pembekuan darah seperti *Coumarin-type oral anticoagulants*
- Ubat untuk kegagalan jantung seperti Digoxin
- Ubat untuk merendahkan kolesterol seperti Atorvastatin
- Ubat penenang seperti Midazolam
- Ubat untuk merawat jangkitan kulat/bakteria seperti Fluconazole, Rifabutin dan Trimethoprim/sulfamethoxazole
- Ubat untuk merawat penyakit asma seperti Theophylline
- Ubat untuk pesakit pemindahan organ seperti Cyclosporin
- Ubat untuk HIV/AIDS seperti Didanosine, Indinavir, Efavirenz, Zidovudine dan Nelfinavir
- Ubat untuk merendahkan tekanan darah dalam paru-paru seperti Sildenafil
- Ubat untuk merawat sawan seperti Carbamazepine
- Ubat untuk merawat masalah penghadaman seperti Antacids dan Cimetidine
- Ubat untuk merawat masalah tidur seperti Triazolam

Cara menggunakan AZmycin Tablet 500mg

Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa mengambil AZmycin Tablet 500mg dengan tepat seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Anda dinasihat menyemak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda kurang pasti.

Bila perlu digunakan

Mengambil AZmycin Tablet 500mg satu dos setiap hari. Tablet ini boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu digunakan

Doktor anda akan memberitahu berapa lama AZmycin Tablet 500mg perlu diambil.

Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Sila mengambil AZmycin Tablet 500mg sebaik sahaja anda teringat.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Simptom-simptom termasuk kehilangan pendengaran berbalik,

AZmycin Tablet 500mg

Azithromycin 500mg (sebagai Azithromycin dihydrate 524.03mg)

rasa loya, muntah-muntah and cirit-birit.

Semasa menggunakan AZmycin Tablet 500mg

Perkara yang perlu dilakukan

Tanya doktor atau ahli farmasi untuk nasihat sebelum menagambil ubat.

Memberitahu doktor anda jika anda hamil, akan hamil atau sedang menyusukan bayi.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menghentikan rawatan awal daripada tempoh yang sepatutnya untuk mengelakkan risiko pengembalian semula penyakit tesebut.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Tiada bukti membuktikan bahawa AZmycin Tablet 500mg boleh menjejaskan keupayaan untuk memandu atau mengendalikan jentera. Walau bagaimanapun, kemungkinan untuk mendapat kesan sampingan perlu dipertimbangkan seperti pening and sawan semasa melakukan tugasan di atas.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang biasa ditemui termasuk:

- Loya
- Muntah
- Cirit-birit
- Ketidakselesaan abdomen (kesakitan/kekejangan)

Kesan-kesan sampingan yang lain termasuk:

- Pening/gayat
- Sakit kepala
- Sawan
- Perubahan pada deria rasa dan bau
- Najis lembut
- Kembung perut
- Anoreksia dan gangguan sistm penghadaman
- Alahan
- Sakit pada sendi
- Inflamasi vagina

AZmycin Tablet 500mg boleh menyebabkan parah alergi dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan AZmycin Tablet 500mg dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera sekiranya anda mengalami gejala berikut:

- Kemerahan kulit, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Jika anda mendapati bahawa kanak-kanak itu muntah dan/atau kerengsaan semasa menyusu, hubungi doktor dengan segera kerana ia mungkin disebabkan oleh Infantile Hypertrophic Pyloric Stenosis (IHPS).

Jika anda mengalami kesan-kesan sampingan yang atau tidak disenaraikan pada risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan AZmycin Tablet 500mg

Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.

Jangan menggunakan AZmycin Tablet 500mg selepas tarikh luput yang dinyatakan dalam bungkusan (singkatan "Exp.:"). Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan pada suhu di bawah 30°C dan melindungi daripada cahaya matahari.

Pelupusan

Ubat-ubat tidak boleh dibuang melalui sistem pengairan atau ke dalam tong sampah. Tanya doktor atau ahli farmasi anda cara melupuskan ubat–ubat yang tidak diperlukan. Langkah ini boleh membantu menjaga alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

AZmycin Tablet 500mg berbentuk tablet film-coated.

Tablet ini berwarna putih, memanjang, biconvex, mempunyai garis skor pada satu permukaan and bertanda 500 pada permukaan yang lain.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

- Azithromycin (dihydrate)

Bahan tidak aktif

- Anhydrous dibasic calcium phosphate
- Pregelatinised starch
- Croscarmellose sodium
- Magnesium stearate (E470)
- Sodium lauryl sulphate
- Hypromellose
- Titanium dioxide (E171)
- Polydextrose
- Macrogol 4000

Nombor MAL

MAL17085004AZ

Pengilang

Neuraxpharm
Pharmaceuticals, S.L.
Avda. Barcelona 69
08970 Sant Joan Despí
Barcelona – Spain

Pemegang Pendaftaran Produk

MD Healthcare Sdn Bhd
Suite 9D, Level 9, Menara Ansar
65 Jalan Trus, 80000 Johor Bahru
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

30/10/2023

Nombor Siri

NPRA(R2/1)211103/777